

01/09/1997

Operasi besar-besaran kesan pendatang asing

Lichong Angkui

MULAI hari ini (1 September), pihak berkuasa keselamatan di Sabah mula melancarkan operasi besar-besaran mengesan pendatang asing Filipina dan Indonesia. Ini berikutan berakhirnya program regularisasi selama enam bulan sejak 1 Mac lalu, tengah malam tadi.

Walaupun belum ada perangkaan rasmi dikeluarkan Pasukan Petugas Khas Persekutuan (PPKP) yang mengendalikan operasi itu mengenai jumlah sebenar rakyat asing yang mendaftar, dapat diperhatikan bahawa bilangan mereka yang belum berbuat demikian masih ramai.

Jika mengambil kira perangkaan setakat 27 Ogos lalu, ternyata bilangan mereka yang mendaftar masih sedikit berbanding anggaran jumlah pendatang asing di Sabah. Sehingga tempoh itu, seramai 204,471 warga negara Indonesia dan Filipina bersama tanggungan masing-masing sudah mendaftar sedangkan mengikut anggaran awal, ada kira-kira 400,000 pendatang tanpa izin dari Indonesia dan Filipina di Sabah ketika ini.

Seperti ditegaskan berulang kali sebelum ini, tarikh akhir 31 Ogos bagi program regularisasi itu adalah muktamad. Tidak ada penyambungan lagi. Bermakna mulai hari ini, pihak berkuasa terutama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen dan PPKP selaku agensi yang terbabit secara langsung harus menguatkuasakan undang-undang setegas mungkin.

Ini bertujuan menentukan masalah kebanjiran pendatang asing Indonesia dan Filipina yang berlarutan sejak berdekad dahulu, dapat diselesaikan secara berkekalan. Ini kerana kehadiran mereka bukan sekadar membawa implikasi dari segi keselamatan, tetapi turut menyumbang kepada penularan gejala sosial. Jika operasi besar-besaran seperti Ops Nyah boleh digembleng secara bersepadu di Semenanjung, tidak ada alasan langkah sedemikian tidak boleh dilaksanakan di negeri Sabah. Yang penting ialah komitmen semua pihak. Ini bermakna selain pihak berkuasa keselamatan, sokongan kerajaan negeri serta rakyat juga penting bagi menentukan keberkesanan operasi nanti.

Lagi pun tempoh secukupnya sudah diberi kepada pendatang asing terbabit untuk mendaftar. Sepanjang tempoh enam bulan itu, pelbagai usaha dilakukan pihak berkuasa bagi menggalakkan rakyat asing mendaftar.

Selain menerusi kempen dan penerangan secara berterusan, pihak keselamatan turut mengambil inisiatif menggugurkan risalah mengenainya di kawasan pulau dan penempatan terpencil yang sukar perhubungannya. Sehingga kelmarin, sebanyak 400,000 risalah yang memberitahu bahawa program ini tidak akan dilanjutkan sudah digugurkan ke beberapa lokasi terpilih menggunakan helikopter Nuri Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) berpangkalan di Labuan.

Program regularisasi itu membabitkan pengemblengan usaha bersepadu beberapa agensi Persekutuan. Selain PPKP, agensi lain yang terbabit secara langsung ialah Jabatan Imigresen, Jabatan Buruh, Lembaga Kumpulan Wang Perpindahan Malaysia (LKWPM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Ia dilancarkan sebagai komitmen kerajaan menyelesaikan masalah kebanjiran pendatang tanpa izin di Sabah dan Labuan yang sudah berlarutan sejak bertahun-tahun lamanya. Mengikut perancangan, operasi menangkap dan mengusir rakyat asing yang tidak mempunyai dokumen perjalanan sah akan dimulakan sebaik program pemutihan itu berakhir pada 31 Ogos nanti.

Kerajaan Sabah sendiri yakin usaha yang dilaksanakan kali ini akan berjaya mencapai matlamatnya. Itulah keazaman Kerajaan Persekutuan.

Ketua Menteri, Datuk Yong Teck Lee, menegaskan pelaksanaan program

berkenaan adalah bukti komitmen Kerajaan Persekutuan menyelesaikan secara berkekalan masalah kebanjiran pendatang asing di Sabah yang berlarutan sekian lama.

Katanya, langkah itu diambil kerana kebanjiran pendatang asing Indonesia dan Filipina di Sabah dan Labuan sudah mencapai tahap membimbangkan yang memerlukan pendekatan baru dan tindakan menyeluruh.

"Kehadiran pendatang tanpa izin ini, walaupun diakui membantu meningkatkan ekonomi Sabah, namun dalam masa sama kehadiran mereka menimbulkan masalah jenayah, maksiat dan kegiatan sosial," katanya.

Mengikut anggaran, ada kira-kira 400,000 pendatang tanpa izin dari Indonesia dan Filipina di Sabah ketika ini. Walaupun perangkaan itu mungkin dianggap konservatif, tetapi Pengarah PPKP, Abu Talib Harun menjelaskan ia dirumuskan berdasar kepada beberapa aspek, antaranya gerakan bancian yang dijalankan pada 2 April 1990 hingga 14 Ogos 1991 merekodkan ada 300,000 pendatang tanpa izin di Sabah dan pertambahan berasaskan kadar kelahiran 4.5 peratus setahun.

Penyelesaian berkekalan terhadap masalah kebanjiran pendatang asing adalah satu daripada komitmen kerajaan Barisan Nasional (BN) selepas mengambil alih teraju pemerintahan negeri Sabah pada 1994. Sebab itulah, pelbagai usaha dan pendekatan dilaksanakan dengan kerjasama agensi Persekutuan dan negeri bagi merealisasikan.

Program regularisasi kali ini diyakini akan berjaya. Pimpinan tertinggi kerajaan mengakui hakikat ini. Malah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika diajukan persoalan sama sewaktu melawat Sabah baru-baru ini, turut optimis dengan kejayaan program ini.

(END)